

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

05 Mei 2017

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

UNITED PLANTATIONS BERHAD (“UPB”)

Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan 2016 UPB melaporkan isu yang diketengahkan oleh pihak kawal selia tentang wujudnya konflik kepentingan dalam perdagangan derivatif yang mana seorang Pengarah Eksekutif yang diberi kuasa untuk menjalankan transaksi bagi pihak syarikat dalam niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO) telah menjalankan urusan niaga derivatif dalam kapasiti peribadi.

[Sumber: Laporan Tahunan 2016 UPB]

KOMEN MSWG:

Selama ini UP dianggap sebagai sebuah syarikat yang bagus di mata para pemegang saham kerana memberikan sejumlah dividen yang wajar secara berterusan kepada pemegang saham dan ‘Pulangan Ekuiti’ dua angka. Kami rasa bersemangat apabila mendapat tahu para pemegang saham menunjukkan keprihatinan terhadap perjalanan tadbir urus korporat Lembaga Pengarah selain prestasi kewangan Syarikat.

Ekoran aduan yang dibuat oleh pemegang saham, MSWG telah membangkitkan isu di atas dalam Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang diadakan pada 22 April 2017. Pengerusi Jawatankuasa Audit, Dato’ Jeremy Derek Campbell Diomond, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, memberi maklum balas kepada pertanyaan MSWG. Beliau memaklumkan mesyuarat bahawa isu ini telah dibangkitkan oleh Bursa Malaysia dan Pengarah yang dimaksudkan ialah Pengarah Eksekutif, Martin Bek-Nielsen. Perunding Bebas telah dilantik untuk menyiasat perkara ini dan tiada bukti ditemui yang mengatakan Pengarah Eksekutif berkenaan mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan yang melibatkan perbelanjaan Syarikat. Hasil siasatan telah dikemukakan kepada Bursa Malaysia dan belum ada sebarang komen lanjut diterima daripada Bursa Malaysia pada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu.

Walaupun Pengarah berkenaan tidak mendapat manfaat secara peribadi daripada urusan niaga yang dijalankan bagi pihak syarikat, lebih baik jika beliau mengelakkan diri daripada terlibat dalam urusan niaga itu kerana ia boleh menimbulkan anggapan yang beliau mendapat manfaat daripada nasihat bebas yang dibayar oleh syarikat. Walau bagaimanapun, kami gembira melihat isu ini diketengahkan secara telus oleh Jawatankuasa Audit.

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 8 - 12 MEI 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
08.05.17 (Isnin) 10.00 pagi	TH Plantations Bhd (AGM)	Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur, Jalan Putra
09.05.17 (Selasa) 10.00 pagi	DIGI. Com. Bhd (AGM)	Connexion @ Nexus, No. 7, Jalan Kerinchi Bangsar South City
09.05.17 (Selasa) 10.00 pagi	PPB Group Bhd (AGM)	Shangri-La Hotel Kuala Lumpur
09.05.17 (Selasa) 03.00 petang	Gas Malaysia Bhd (AGM)	Hotel Istana, 73, Jalan Raja Chulan, KL
11.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	MMC Corporation Bhd (AGM/EGM)	Hotel Istana, 73, Jalan Raja Chulan, KL
11.05.17 (Khamis) 11.00 pagi	Three-A Resources Bhd (AGM/EGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, PJ
12.05.17 (Jumaat) 3.30 petang	Malaysia Building Society Bhd (AGM)	Connexion@Nexus, No. 7 Jalan Kerinchi, Bangsar South City

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
TH Plantations Bhd (AGM)	<p>Seperti yang dinyatakan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan, salah satu Nod Pertumbuhan Utama yang dikodkan untuk Kumpulan bertujuan meningkatkan nilai portfolio perladangan sedia ada dengan mengoptimumkan proses, mempelbagaikan aliran pendapatan serta meningkatkan keupayaan ladang. Sasaran utama adalah untuk mencapai hasil buah segar bertandan (FFB) dan kadar pengekstrakan minyak (OER) yang lebih tinggi dan pada masa yang sama, menurunkan kos pengeluaran.</p> <p>(a) Hasil FFB menyusut daripada 23.86% pada tahun kewangan (TK) 2013 kepada 15.36% pada TK2016, mewakili penurunan 36% dalam tempoh empat tahun yang lalu. Selain fenomena El Nino, apakah yang menyebabkan kejatuhan ketara dalam hasil FFB dan adakah syarikat menetapkan apa-apa sasaran hasil?</p> <p>(b) Berapakah kos pengeluaran di kilang (tidak termasuk cukai, jika ada) bagi setiap tan metrik minyak sawit mentah (CPO) dalam tempoh lima tahun yang lalu? Apakah jangkaan garis masa untuk menyaksikan penambahbaikan dalam kos pengeluaran sekiranya syarikat mengoptimumkan proses?</p> <p>(c) Dalam usaha mempelbagaikan aliran pendapatan, adakah Syarikat akan melibatkan diri dalam aktiviti hiliran memandangkan Syarikat sememangnya terlibat dalam aktiviti perladangan huluan? Apakah aliran pendapatan lain yang boleh diharapkan daripada diversifikasi ini?</p>
DIGI. Com. Bhd (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan penurunan dalam pendapatan, daripada RM6.9 bilion pada TK2015 kepada RM6.6 bilion pada TK2016. Kami juga mendapati pendapatan purata setiap pengguna (ARPU) mengalami trend menurun daripada RM48 pada TK2013 kepada RM42 dalam TK2016.</p> <p>a. Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga untuk meningkatkan hasil Kumpulan bagi TK2017?</p> <p>b. Bolehkah Lembaga jelaskan langkah yang diambil untuk menangani trend menurun dalam ARPU?</p>

	<p>c. Apakah ARPU yang disasarkan Lembaga bagi TK2017?</p> <p>d. Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk mengekalkan daya saing dan daya penarik pelanggan terhadap DiGi dalam industri telekomunikasi yang penuh persaingan sengit?</p>
Gas Malaysia Bhd (AGM)	<p>Laporan menyatakan jumlah pelanggan bagi tahun dalam kajian yang berjumlah 38,377 adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 38,690. Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh peningkatan dalam sektor industri dengan 819 pelanggan berdaftar, yang menyumbang kira-kira 99.1% daripada jumlah keseluruhan gas yang dijual.</p> <p>(a) Apakah yang menyebabkan penurunan jumlah pelanggan dan apakah jangkaan untuk 2017?</p> <p>(b) Memandangkan sektor perindustrian menyumbang sebahagian besar daripada jumlah gas yang dijual, bagaimana dan apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk memanfaatkan lagi sektor ini? Apakah jangkaan pertumbuhan dalam jumlah pelanggan dalam sektor perindustrian?</p>
MMC Corporation Bhd (AGM/EGM)	<p>Melihat keupayaan Kumpulan MMC sebagai peneraju dalam industri utiliti dan infrastruktur, sila kongsi momentum pertumbuhan, strategi, visi dan matlamat yang ditetapkan di bawah segmen perniagaan Kumpulan iaitu pelabuhan dan logistik, tenaga dan utiliti, serta kejuruteraan dan pembinaan?</p> <p>Apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dipersetujui bagi hala tuju unit perniagaan individu di bawah belanjawan tahunan dan kemajuan setiap unit seperti yang dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat?</p>
Malaysia Building Society Bhd (AGM)	<p>Strategi utama MBSB ialah merapatkan jurang antara Kumpulan dan entiti perbankan komersial selaras dengan aspirasinya untuk menjadi sebuah entiti perbankan Islam sepenuhnya. Selaras dengan perkara di atas, sila komen perkara berikut:-</p> <p>(a) Jurang peraturan dan pematuhan perbankan yang sedia ada dan perkembangannya;</p> <p>(b) Strategi untuk melepaskan aset kewangan bukan teras pada TK2017;</p> <p>(c) Mengimbangi semula pangkalan portfolio pinjaman runcit berbanding pembiayaan korporat termasuk segmen industri kecil dan sederhana.</p> <p>(d) Perkembangan cadangan penggabungannya dan butiran Pelan Perniagaan Strategik 2017.</p> <p>Jika rundingan penggabungan itu tidak berjaya, sila jelaskan perancangan Kumpulan untuk tempoh 3 tahun akan datang.</p>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.